



Pokok tumbang dorong jalan sesak

SKUAD Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan kerja pembersihan selepas pokok tumbang yang menyebabkan berlaku kesesakan jalan raya berhampiran Bulatan Pahang. Sehingga kini, tiada kenyataan rasmi daripada bomba dan DBKL mengenai kejadian terbabit.

Terdahulu, Jabatan Meteorologi (METMalaysia) menerusi Facebook memaklumkan hujan lebat, ribut petir berserta angin kencang diramal membadai kebanyakan negeri termasuk seluruh ibu kota, Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka hingga jam 6 petang, kelmarin. Amaran ribut petir adalah amaran jangka pendek yang sah dalam tempoh tidak melebihi enam jam untuk satu-satu keluaran.